MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan terhadap potensi risiko yang berkaitan dengan kesan limpahan daripada prospek pertumbuhan global yang lebih lemah dan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan dan komoditi antarabangsa. Risiko domestik secara amnya terus menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, keadaan perniagaan yang lebih mencabar dan kos yang semakin meningkat dijangka memberikan kesan kepada prestasi pendapatan dan pinjaman institusi kewangan pada masa hadapan, yang akan memerlukan pengawasan yang rapi. Sebarang perkembangan buruk dijangka dapat ditampung dengan baik oleh keupayaan menyerap kerugian institusi kewangan berikutan penampan modal yang diperkukuh sejak akhir tahun 2015. Ini, bersama-sama dengan amalan pengunderaitan yang teguh, yang dilaksanakan oleh institusi kewangan, akan terus memberikan sokongan padu kepada pengantaraan kewangan domestik. Mudah tunai domestik yang lebih daripada mencukupi juga terus menyokong pertumbuhan kredit dan keadaan pasaran yang teratur.

Dedahan risiko kredit boleh diurus dalam keadaan keupayaan membayar balik hutang yang mampan

Dedahan risiko kredit bank kekal boleh diurus, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang mampan oleh peminjam. Pinjaman terjejas dan kemungkiran sebagai sebahagian daripada jumlah pinjaman bank sebahagian besarnya tidak berubah, masing-masing pada 1.2% dan 2.1%. Perlindungan kerugian pinjaman sektor perbankan secara keseluruhan kekal melebihi 90% meskipun lebih rendah sedikit. Ini disokong oleh langkah-langkah untuk menambah peruntukan sepanjang dua tahun lalu, termasuk langkah-langkah yang diambil bagi memenuhi saranan Bank Negara Malaysia untuk institusi kewangan mengekalkan rizab kerugian pinjaman pada paras minimum sekurang-kurangnya 1.2% daripada pinjaman bank. Dalam industri insurans dan takaful, dedahan kredit (terutamanya daripada pemegangan sekuriti hutang swasta berpenarafan tinggi dan Sekuriti Kerajaan Malaysia) meningkat sedikit kepada 4.3% daripada jumlah modal yang tersedia (S4 2015: 4.2%).

Pertumbuhan peminjaman isi rumah terus menurun pada suku pertama tahun 2016 (S1 2016: +6.5%; S4 2015: +7.3%; S1 2015: +9.1%). Pembiayaan perumahan kekal kukuh, meningkat sebanyak 10.7% (S4 2015: +11%; S1 2015: +12%) dalam keadaan permintaan yang berterusan terhadap perumahan mampu milik. Pertumbuhan pembiayaan peribadi meningkat sedikit kepada 5.4% (S4 2015: +4.6%), berkemungkinan disebabkan oleh pelarasan isi rumah terhadap kos sara hidup yang lebih tinggi. Secara amnya, nisbah khidmat bayaran hutang yang berhemat untuk pinjaman isi rumah baharu terus dipatuhi bank dan bukan bank. Ini telah menambah baik kualiti pembiayaan baharu kepada isi rumah, dan memelihara daya tahan isi rumah secara keseluruhan. Nisbah khidmat bayaran hutang purata (berbanding dengan pendapatan bersih) untuk pinjaman isi rumah baharu kekal di bawah 60%. Kira-kira separuh daripada pembiayaan baharu yang diluluskan pada tempoh ini adalah kepada peminjam yang mempunyai nisbah khidmat bayaran hutang di bawah 40%.

Nisbah pinjaman terjejas sektor isi rumah meningkat sedikit kepada 1.7% (S4 2015: 1.6%) daripada jumlah pinjaman isi rumah oleh bank dan bukan bank dalam keadaan terdapat tanda-tanda baharu keupayaan membayar balik hutang yang lebih lemah oleh peminjam yang lebih bergantung pada sumber pendapatan berkitar seperti pekerjaan berasaskan komisen. Risiko kemerosotan prestasi pinjaman isi rumah yang lebih meluas agak terbendung apabila kemungkiran sektor

isi rumah secara keseluruhan bertambah baik kepada 1.4% daripada jumlah peminjaman isi rumah (S4 2015: 1.5%). Sistem pebankan juga terus mencatat peningkatan dalam portfolio pinjaman runcit pada suku itu, dengan pinjaman terjejas dan kemungkiran masing-masing mencakupi 1.0% dan 1.4% daripada pinjaman bank kepada isi rumah pada akhir suku pertama tahun 2016. Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah secara keseluruhan juga disokong oleh pengumpulan bersih aset kewangan berbanding dengan hutang yang terus meningkat sebanyak RM27.4 bilion pada suku pertama.

Risiko dedahan bank kepada sektor perniagaan kekal terbendung. Leveraj agregat perniagaan Malaysia[3], seperti yang diukur oleh median nisbah hutang berbanding ekuiti, bertambah baik kepada 44.5% pada suku keempat tahun 2015 (S3 2015: 46.8%). Peminjaman sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 8.8% pada akhir suku pertama tahun 2016 (S4 2015: +13.2%) selaras dengan aktiviti ekonomi dalam negeri yang sederhana. Pembiayaan bank kepada perniagaan meningkat 4.9% (S4 2015: +8%), dengan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan pinjaman perniagaan (+9.0%). Peminjaman luar negeri terkumpul oleh perniagaan berjumlah RM287.4 bilion, lebih rendah daripada suku sebelumnya (RM296.5 bilion), disebabkan oleh pembayaran balik yang terus menggalakkan dan pengukuhan ringgit pada akhir suku keempat tahun 2015. Lebih 40% daripada jumlah peminjaman luar negeri kekal dalam bentuk obligasi antara syarikat oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia, dengan potensi risiko pembiayaan semula dan pendanaan yang terhad.

Kesan harga komoditi yang lemah dan permintaan luar negeri yang lembap terhadap kedudukan kewangan perniagaan secara keseluruhan dalam sektor berorientasikan eksport secara amnya terbendung. Dalam sektor berorientasikan dalam negeri, sentimen pengguna yang lebih rendah, kos import yang lebih tinggi dan persaingan yang semakin sengit terus menjejaskan perolehan syarikat. Mencerminkan keadaan ini, median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) adalah lebih rendah pada 4.4 kali pada suku keempat (S3 2015: 5.0 kali). Ukuran keupayaan untuk membayar balik hutang ini terus selesa melebihi paras dua kali yang secara amnya dianggap sebagai paras berhemat. Agregat penampan mudah tunai perniagaan untuk memenuhi obligasi hutang jangka pendek juga kekal utuh, dengan median nisbah semasa (aset semasa kepada liabiliti semasa) dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt, CASTD) tidak berubah, masing-masing 1.7 kali dan 1.2 kali pada suku terakhir tahun 2015.

Nisbah pinjaman perniagaan yang terjejas dan mungkir terus stabil sepanjang suku itu, masing-masing pada 2.6% dan 0.3% daripada jumlah pinjaman bank kepada perniagaan (S4 2015: masing-masing 2.5% dan 0.3%). Kemungkiran lebih tinggi sedikit dalam sektor pembinaan dan harta tanah, mencerminkan keadaan operasi yang lebih lembap bagi perniagaan dalam segmen ini. Sejajar dengan itu, keseluruhan kebarangkalian jangkaan mungkir untuk sektor perniagaan meningkat kepada 0.69% (S4 2015: 0.61%), mencerminkan prospek risiko kredit yang semakin lemah sedikit bagi sektor yang lebih terdedah kepada ketidakpastian dalam permintaan global serta pergerakan dalam kadar pertukaran dan harga komoditi. Walau bagaimanapun, risiko kepada sistem perbankan adalah terhad. Dedahan bank kepada sektor minyak sawit mentah serta sektor minyak dan gas kekal kecil, masing-masing pada 3.8% dan 2.2% daripada

[3] Berdasarkan 160 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) yang merangkum 10 sektor ekonomi utama.

jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Dedahan kepada peminjam perniagaan besar yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah (ICR bawah 1.5 kali dan CASTD bawah satu kali) kekal terbendung pada 6.7% daripada jumlah dedahan kredit bank kepada syarikat. Tambahan lagi, dedahan kepada kumpulan peminjam besar yang mempunyai tumpuan yang lebih tinggi kepada peminjaman berdenominasi mata wang asing (iaitu lebih 30% daripada jumlah peminjaman) dan kedudukan kewangan yang lemah merupakan kurang 2% daripada jumlah dedahan kredit bank kepada perniagaan.

Pada suku ketiga tahun 2015, pertumbuhan tahunan Indeks Harga Rumah Malaysia menurun sedikit kepada 7.4% (S2 2015: +7.5%). Di seluruh negara, harga rumah purata meningkat antara 3% hingga 8.9% (S2 2015: 0.2% hingga 8.7%). Urus niaga perumahan terus lembap dalam pasaran utama dan sekunder terutamanya dalam segmen rumah berharga lebih tinggi. Pada asas tahunan, jumlah dan nilai urus niaga menurun, masing-masing sebanyak 3.1% kepada 58,859 unit (S3 2015: -9.4% kepada 57,662 unit) dan 4.1% kepada RM19.3 bilion (S3 2015: -18.1% hingga RM17.7 bilion) pada akhir suku keempat tahun 2015. Sebaliknya, jumlah dan nilai urus niaga dalam segmen mampu milik (rumah berharga bawah RM250,000) terus mencatat pertumbuhan positif masing-masing sebanyak 7.5% dan 14.6% (S3 2015: masing-masing +5% dan +10.2%). Pembelian harta kediaman bersifat spekulasi yang didorong oleh kredit terus perlahan. Bilangan peminjam dengan sekurang-kurangnya tiga pinjaman perumahan terkumpul (proksi yang digunakan untuk pembelian rumah secara spekulasi) meningkat pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 2.9% pada suku pertama tahun 2016 (S4 2015: 3.2%).

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Keadaan pasaran kewangan domestik yang teratur terpelihara apabila turun naik dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti menjadi reda pada suku pertama. Turun naik purata bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing menurun kepada 13.5% dan 11.7% (S4 2015: masing-masing 17.2% dan 14.5%). Sentimen pelabur yang lebih baik secara amnya mencerminkan pemulihan harga komoditi dan prospek kenaikan selanjutnya dalam kadar dasar Amerika Syarikat (AS) akan ditangguhkan. Ini menarik aliran masuk modal asing dan penyertaan semula dalam pasaran aset domestik. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM13.1 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih sebanyak RM15.9 bilion), dalam keadaan minat bukan pemastautin yang terus tinggi terhadap pasaran MGS dan pasaran ekuiti.

Pemegangan MGS oleh bukan pemastautin meningkat kepada 48.7% (S4 2015: 47.7%) daripada jumlah MGS terkumpul, dan daripada jumlah itu 62.6% terdiri daripada pemegangan MGS jangka pendek dan sederhana dengan tempoh matang sehingga 5 tahun. Kadar hasil MGS 3, 5 dan 10 tahun masing-masing

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Nota: FMSI dibangunkan berdasarkan penunjuk turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik - pertukaran asing, ekuiti, bon, pasaran wang dan institusi kewangan. Tahap tekanan pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai satu nilai antara 0 hingga 100, yang menunjukkan tahap tekanan dari paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

menurun kepada 3.21%, 3.43% dan 3.80% (S4 2015: masing-masing 3.27%, 3.47% dan 4.19%). FBM KLCI mengakhiri suku pertama lebih tinggi pada 1,717.6 mata (S4 2015: 1,692.5 mata) sejajar dengan kebanyakan pasaran serantau. Pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin ialah 22.9% daripada jumlah permodalan pasaran (S4 2015: 22.3%). Nisbah harga kepada pendapatan (price-to-earnings, PE) FBM KLCI meningkat kepada 19 kali berbanding nisbah PE purata jangka panjang sebanyak 17 kali berikutan perolehan korporat yang lebih lemah pada suku pertama. Mudah tunai dagangan, dari segi harga dan jumlah, kekal utuh. Spread bida-tawar bagi MGS dan FBM KLCI kekal tidak berubah, masing-masing pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan. Nisbah pusing ganti bulanan bagi MGS dan FBM KLCI juga kekal kukuh, masing-masing pada 11.9% dan 2.0% pada akhir suku pertama tahun 2016 (S4 2015: masing-masing 10.5% dan 2.1%). Ringgit bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS, menambah nilai sebanyak 9.4% untuk mengakhiri suku pertama pada RM3.9220 bagi setiap dolar AS (S4 2015: RM4.2920), sejajar dengan prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik. Persepsi pelabur terhadap risiko hutang kerajaan Malaysia dan keadaan mudah tunai dolar AS di dalam negeri juga bertambah baik pada suku pertama. Spread swap mungkir kredit kerajaan 5 tahun menyusut kepada 153.9 mata asas (S4 2015: 180.2 mata asas, S3 2015: 238.9 mata asas), manakala spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun hampir tidak berubah pada 73 mata asas (S4 2015: 75 mata asas, S3 2015: 115 mata asas).

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Bank, penanggung insurans dan pengendali takaful Malaysia terus mengekalkan tahap dan kualiti permodalan yang tinggi. Lebih daripada 90% permodalan tersebut adalah dalam bentuk perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Pada akhir suku pertama 2016, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal bank kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 13.0%, 13.9%

Sistem Perbankan: Permodalan Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	5,336	5,246	12,009	4,689
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	781	679	2,698	730
Nisbah tuntutan (%)	50.3	60.6	60.2	54.1
	Perubahan Tahunan (%)			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	66.2	147.4	-12.7	-12.1
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	-5.2	-10.6	-15.1	-6.5
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-4.7	1.1	2.7	3.7

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan 16.5%. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful kekal kukuh pada 242.6% (S4 2015: 245.4%). Institusi kewangan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kemungkinan kejutan makroekonomi dan kewangan yang buruk, dengan penampan modal yang digabungkan sebanyak RM170.4 bilion pada akhir suku pertama 2016 (bank: RM121.9 bilion; penanggung insurans dan pengendali takaful: RM48.5 bilion).

Perolehan bank kekal berdaya tahan pada suku pertama walaupun persekitaran operasi adalah lebih mencabar. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat kepada RM7.7 bilion pada akhir suku pertama tahun 2016 (S4 2015: RM7.2 bilion) berikutan peningkatan pendapatan daripada aktiviti berkaitan perbendaharaan dan perbelanjaan operasi yang lebih rendah. Pulangan atas aset dan ekuiti tidak berubah, masing-masing pada 1.3% dan 12.4% (S4 2015: masing-masing 1.3% dan 12.4%). Sektor insurans am dan takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM730.2 juta pada suku pertama (S4 2015: RM679.5 juta), disebabkan keadaan tuntutan yang lebih memuaskan dengan nisbah tuntutan bertambah baik kepada 54.1% (S4 2015: 60.6%). Sebaliknya, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih rendah iaitu sebanyak RM4.7 bilion (S4 2015: RM5.2 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh keuntungan modal bersih yang lebih rendah iaitu sebanyak RM1.5 bilion (S4 2015: RM2.0 bilion), mencerminkan prestasi ekuiti yang lebih lemah pada tempoh dua bulan pertama suku tersebut.

Dedahan risiko pasaran kekal terurus dengan baik dalam had kesanggupan mengambil risiko dan had dalaman institusi kewangan, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang aktif. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti kekal rendah, masing-masing pada 1.1% dan 0.8% daripada jumlah modal (S4 2015: masing-masing 1.2% dan 0.7%). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank meningkat sedikit kepada 6.5% daripada jumlah modal (S4 2015: 6.1%). Dedahan risiko pasaran bagi industri insurans dan takaful secara amnya tidak

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

berubah pada 13.1% (S4 2015: 12.9%) daripada jumlah modal tersedia, manakala risiko ekuiti, yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran penanggung insurans, menurun sedikit untuk mencakup 7.3% (S4 2015: 7.5%) daripada jumlah modal tersedia.

Mudah tunai dalam sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi terus menyokong aktiviti pembiayaan. Pada akhir suku pertama tahun 2016, penempatan dan repo berbalik sistem perbankan di Bank Negara Malaysia yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai meningkat kepada RM135 bilion (S4 2015: RM127 bilion), lantas menyediakan penampan yang selesa terhadap aliran keluar wang tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang teruk. Di bawah piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) Basel III yang dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015[4], LCR sistem perbankan berada pada 126% pada akhir suku pertama tahun 2016 (S4 2015: 130%). Semua bank mengekalkan paras LCR yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum semasa sebanyak 70%, dengan 38 bank mencatat paras LCR melebihi 100%.

Keadaan pendanaan domestik bertambah baik pada suku pertama. Kos deposit purata[5] stabil pada 2.54% (S4 2015: 2.53%, 2014: 2.38%) manakala KLIBOR 3 bulan menurun kepada 3.71% (S4 2015: 3.84%) berikutan persaingan untuk penempatan deposit korporat yang semakin berkurang sejak bulan Januari 2016. Kadar deposit tetap 1 bulan disebut bagi pendeposit korporat besar menurun antara 15 mata asas hingga 85 mata asas pada suku itu. Kadar deposit tetap 3 bulan disebut juga menurun antara 50 mata asas hingga 65 mata asas dalam tempoh yang sama. Deposit isi rumah terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5% (S4 2015: +5.3%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan deposit keseluruhan dalam sistem perbankan menurun sebanyak 0.9% (S4 2015: +1.8%) memandangkan deposit terkumpul yang diterima daripada perniagaan menurun sebanyak 4.2%. Ini sebahagiannya disebabkan oleh pengeluaran terpencil oleh sebuah pendeposit korporat yang besar. Namun begitu, deposit dan akaun pelaburan yang diterima oleh bank berkembang 2.4% (S4 2015: +4.7%) pada akhir suku pertama tahun 2016. Bank-bank terus mempelbagaikan struktur pendanaan mereka melalui terbitan instrumen pendanaan jangka sederhana dalam denominasi ringgit dan mata wang asing, yang meningkat secara tahunan sebanyak 13% kepada RM102 bilion (S4 2015: +24%) pada akhir suku pertama tahun 2016. Ini telah menyumbang kepada pengurangan seterusnya dalam ketidaksepadanan kematangan dan mata wang dalam struktur pendanaan bank. Dengan mengambil kira asas pendanaan bank yang lebih luas, nisbah pinjaman berbanding pendanaan[6] (loan-to-funds, LTF) bertambah baik kepada 82.4% pada suku pertama, manakala nisbah pinjaman berbanding deposit[7] adalah lebih rendah pada 87.7% (S4 2015: masing-masing 83.0% dan 88.7%).

[4] Pada fasa pertama, pematuhan ditetapkan pada 60% dengan kenaikan secara berperingkat sebanyak 10% setiap tahun sehingga mencapai pematuhan sepenuhnya bermula tahun 2019. Keperluan minimum semasa ditetapkan pada 70%.

[5] Semakan dibuat terhadap pengiraan kos deposit purata (dikira sebagai perbelanjaan faedah bagi deposit sebagai peratusan daripada jumlah deposit yang diterima)

[6] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur).

[7] Bermula bulan Julai 2015, pinjaman tidak termasuk pembiayaan oleh akaun pelaburan Islam.